

06 DISEMBER 2017

Penagih ditahan bersama heroin bernilai RM62,250

Penagih ditahan bersama heroin bernilai RM62,250

SEBERANG PERAI – Polis Pulau Pinang menumpaskan kegiatan sindiket mengedarkan heroin membabitkan seorang pemuda berusia 21 tahun selepas menyerbu sebuah rumah di Taman Sri Janggus, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah di sini kelmarin.

Suspek itu ditahan sepasukan polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah (IPD SPT) semasa lelaki itu sedang berehat di sebuah bilik di tingkat atas rumahnya pada pukul 4.05 petang.

Ketua Polis Daerah SPT, Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Ab.

Hamid berkata, hasil pemeriksaan menemui sejumlah dadah heroin yang diisi di dalam 74 bungkus plastik berdekatan dengan suspek terbabit.

“Sebanyak 60 lagi peket heroin ditemui di dalam satu sampul. Dadah yang dirampas bernilai RM62,250,” kata beliau di sini semalam.

Menurut beliau, ujian air kencing ke atas suspek mendapati lelaki itu positif syabu.

Katanya, polis kini giat mengenal pasti ahli-ahli sindiket lain termasuk sumber dadah yang diperoleh suspek.



SEBAHAGIAN daripada heroin bernilai RM62,250 yang dirampas polis dalam serbuan di sebuah rumah di Bukit Mertajam kelmarin.